

24/07/1999

Sultan prihatin kemiskinan di Kelantan

KOTA BHARU, Jumaat - Perbincangan Perdana Menteri dengan Sultan Kelantan di sini semalam tertumpu kepada masalah pembangunan dan kemiskinan di negeri ini serta bagaimana Kerajaan Pusat boleh membantu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Sultan Kelantan, yang begitu prihatin dengan masalah pembangunan di Kelantan, menimbulkan perkara itu dan kelemahan yang wujud di negeri ini.

"Politik tidak dibangkitkan. Saya menghadap tuanku kerana saya dijemput untuk majlis makan tengah hari. Sempatlah berbincang mengenai masalah pentadbiran, kemajuan dan pembangunan Kelantan serta masalah jalan Pantai Timur.

"Selain itu, kami juga berbincang mengenai masalah kemiskinan dan apa yang boleh dibuat Kerajaan Pusat. Saya berpendapat tuanku memang amat prihatin berkenaan kemajuan Kelantan dan meminta Kerajaan Pusat menolong bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang ada," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan khas dengan Jawatankuasa Perhubungan Umno negeri di Hotel Diamond Puteri di sini, pagi ini.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tengku Razaleigh Hamzah; Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa; dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Perdana Menteri, yang dalam lawatan dua hari ke negeri ini semalam menghadap Sultan Kelantan selama 30 minit di Istana Negeri, di Kubang Kerian.

Dr Mahathir berkata, Sultan Kelantan turut menjelaskan, masalah yang berlaku di Kelantan kerana kurang peruntukan dan berharap Kerajaan Pusat dapat menyediakan bantuan.

Mengenai lawatan dua hari ke negeri ini, Dr Mahathir berkata, banyak perubahan berlaku di kalangan penyokong Barisan Nasional (BN) terutama Umno yang begitu bersemangat dan bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya.

Berdasarkan perkembangan itu, beliau yakin BN boleh menumpaskan kerajaan Pas Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya ingat boleh menang kali ni, InsyaAllah, kecuali sesuatu malapetaka berlaku. Saya yakin BN boleh menang di Kelantan kali ini," katanya.

Beliau berkata, ia boleh dilakukan kerana wujud perpaduan di kalangan ahli Umno selepas penyertaan bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang sudah dibubarkan.

Bagaimanapun, katanya, penyokong Pas mempunyai pemikiran tertutup dan mereka tidak dibenar membaca akhbar lain selain Harakah serta hanya mendengar apa yang diperkatakan pemimpin mereka.

"Nampak mereka (Pas) takut sekali kalau ahli mereka mendengar penjelasan Umno atau kerajaan ... dengan itu mereka akan menukar pendirian.

"Kita dapati ahli Pas ini begitu taksub sekali dengan pemimpin dan parti mereka sehingga tidak sanggup menerima kenyataan. Ini menjadi masalah," katanya.

Bagi menangani masalah itu, Umno dan BN akan terus menjelaskan perkara sebenar untuk mendedahkan pembongkaran Pas.

"Seperti menunjuk gambar rumah kecil untuk orang tunggu buah luruh (gugur) dari pokok. Dia kata macam mana ini mahligai rakyat di kawasan saya, nak bagi saya malu la tu. Tapi orang tu sendiri, Pak Kassim kata kat saya dia ada rumah, televisyen, kipas angin, elektrik, air dan telefon.

"Pembobongan Pas ini dapat kita dedah, tapi bila orang dia tak nak langsung dengar, baca benda yang benar, susahlah," katanya.

Ditanya sikap tuduh menuduh di kalangan parti-parti politik sekarang boleh menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat, Dr Mahathir berkata, ia mungkin wujud pada tahap tertentu.

"Kita akan cuba mengelaknya dengan bercakap benar. Umno mesti bercakap benar, tiada pembobongan. Kita tidak perlu berbohong kepada rakyat berhubung apa-apa pun kerana kita melakukan perkara yang betul untuk kebaikan rakyat," katanya.

(END)